

03 APR 2001
RRJP3-KDNK
RRJP3 SASAR KDNK 7.5 PERATUS

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang sebanyak purata 7.5 peratus di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) di antara tahun 2001 dan 2010 berbanding 7.0 peratus di bawah RRJP2 bagi tempoh 1991-2000.

Peranan sektor perkhidmatan akan dipertingkatkan dengan ketaranya ekoran penekanan terhadap ekonomi berasaskan pengetahuan, dengan sumbangan sebanyak 57.4 peratus di bawah RRJP3 berbanding 52.4 peratus dalam RRJP2.

Sektor pembuatan akan terus menjadi jentera pertumbuhan, dengan sumbangan sebanyak 36 peratus daripada 33.4 peratus dan berkembang sebanyak 8.3 peratus daripada 10.4 peratus, demikian menurut laporan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Laporan tersebut, yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat di sini hari ini, juga mengunjurkan pendapatan per kapita hampir sekali ganda kepada RM23,610 menjelang tahun 2010 daripada RM13,359 dan purata kadar inflasi sebanyak 2.7 peratus di bawah RRJP3 daripada 3.4 peratus setahun di bawah RRJP2.

RRJP3 adalah pelan 10 tahun bagi tempoh 2001-2010 dan merupakan pembangunan dekat kedua di bawah Wawasan 2020. Ia menyediakan dasar yang luas dan parameter perancangan bagi penyediaan Rancangan Malaysia Kelapan dan Kesembilan.

Dalam tempoh tersebut, pengurusan makroekonomi akan memberi tumpuan kepada usaha memperkukuhkan asas-asas ekonomi bagi membolehkan ekonomi berkembang pada kadar yang mapan.

Laporan tersebut berkata, sektor-sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan akan digalakkan bagi menjana dinamisme ekonomi dengan penekanan yang lebih berat terhadap input pengetahuan.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai sektor perkhidmatan, laporan tersebut berkata usaha-usaha akan ditumpukan kepada sektor-sektor pelancongan, pendidikan, kesihatan, kewangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan pengangkutan supaya berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Pelaburan swasta tempatan akan digalakkan beralih ke arah strategi pertumbuhan dorongan endogenus, manakala pelaburan langsung asing (FDI) akan digalakkan dalam sektor teknologi tinggi.

Sektor perbankan, pasaran modal dan tadbir urus korporat akan diperkukuhkan kerana faktor-faktor ini merupakan asas penting bagi mengekalkan pertumbuhan, kata laporan tersebut.

Sektor perlombongan, bagaimanapun, dijangka menguncup sebanyak 2.7 peratus di bawah RRJP3 daripada 3.4 peratus di bawah RRJP2 atau menyumbang sebanyak 2.4 peratus KDNK pada tahun 2010 berbanding 6.6 peratus dalam tahun 2000, disebabkan oleh kurangnya peranan yang akan dimainkan oleh petroleum.

Sektor pertanian akan menjadi lebih ketara. Ia berkembang sebanyak 3.5 peratus dalam RRJP3 berbanding 0.5 peratus dalam RRJP2 manakala sumbangannya kepada KDNK pada akhir 2010 diunjurkan sebanyak 5.9 peratus daripada 8.7 peratus.

Untuk mencapai pertumbuhan mapan, produktiviti akan dipertingkatkan dengan penekanan ke atas usaha menambah sumbangan produktiviti faktor keseluruhan kepada pengeluaran, di mana ia disasarkan untuk menyumbang 42.5 peratus pertumbuhan KDNK dalam RRJP3, manakala tenaga buruh dan modal masing-masing menyumbang 20.9 peratus dan 36.6 peratus.

Untuk memperkukuhkan daya ketahanan ekonomi, permintaan dalam negara,

khususnya pelaburan swasta akan diperkukuhkan untuk memacu pertumbuhan ekonomi, sambil terus menggalakkan FDI dalam bidang-bidang strategik.

Penggunaan swasta dijangka meningkat sebanyak 7.4 peratus setahun dalam tempoh RRJP3, terutamanya hasil daripada pendapatan boleh guna yang lebih tinggi dan kesan kekayaan positif.

Penggunaan swasta per capita pada harga semasa dijangka meningkat sekali ganda daripada RM6,198 pada tahun 2000 kepada RM13,303 pada tahun 2010, disertai oleh persekitaran kadar inflasi yang rendah, manakala pelaburan swasta dijangka menyaksikan pertumbuhan kukuh, dengan peningkatan pada kadar 12.7 peratus setahun pada harga sebenar dan dianggarkan mencapai jumlah RM1,051.9 bilion pada harga nominal. -- BERNAMA

MR KY OS